

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

Sidang Dewan Rakyat

Denda kurang jadi RM500 antara pindaan RUU GEG

Perintah khidmat masyarakat bakal diperkenalkan

Kuala Lumpur: Pengurangan kadar denda kepada RM500 berbanding RM5,000 dalam draf awal, adalah antara enam pindaan dibuat terhadap Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat, 12 Jun ini.

Menerusi RUU baharu itu, kuasa penguatkuasaan luas seperti diperuntukkan dalam draf terdahulu, dihadkan kepada bagi tujuan pengilangan, pembungkusan, penyimpanan, penyerahan, pengedaran atau penjualan produk.

Perintah khidmat masyarakat diperkenalkan, manakala pemeriksaan badan kepada golongan generasi penamat (GEG) tidak terpakai selepas peruntukan larangan pemilihan kepada GEG seperti yang terkandung dalam RUU terdahulu, digugurkan.

Satu klausa baharu turut dimasukkan iaitu pembentangan laporan keberkesanan berkala setiap lima tahun di Dewan Rakyat dan Dewan Negara, dengan laporan pertama dibentangkan sebelum Januari 2025.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata RUU yang akan dibentangkan bagi bacaan kali pertama Isnin depan itu, mengekalkan GEG selain bersifat lebih komprehensif terhadap penguatkuasaan rokok konvensional dan alaf baru, dengan jangkaan penguatkuasaan sepenuhnya pada 2030.

"Tanggal 26 Mei 2023 adalah satu kejayaan apabila saya membentangkan memo Jemaah Menteri kepada Kabinet dan mendapat persetujuan supaya RUU ini dibentangkan di Parlimen.

"Kita dapat persetujuan dan sokongan Kabinet. Kita juga sudah dapat tarikh untuk bentangkan bagi bacaan kali pertama di Parlimen pada 12 Jun ini," katanya pada sesi taklimat RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan

Awam 2023 bersama media di Parlimen, semalam.

Ukur tahap keberkesanan

Beliau berkata, laporan berkala diperuntuk dalam RUU baharu itu akan mengambil kira apa juga keputusan dan kajian sepanjang

lima tahun itu bagi membolehkan Kementerian Kesihatan (KKM) mengukur tahap keberkesanan perjalanan undang-undang berkenaan.

Pada Ogos tahun lalu, Parlimen meluluskan RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 dirujuk ke Jawatankuasa Pilihan Khas (JPK) Parlimen untuk diteliti

serta membuat syor penambahan.

Bagaimanapun, ia tidak dapat diteruskan berikutan pembubaran Parlimen bagi memberi laluan kepada Pilihan Raya Umum (PRU).

Menyentuh penurunan kadar denda kepada RM500, Dr Zaliha berkata, ia dilaksana supaya tidak membebankan selain bertujuan mendidik masyarakat.

"Denda RM500 yang dikurang-

kan berbanding draf RUU pertama iaitu RM5,000 asalnya bertujuan tak mahu membebankan, selain kita mahu memastikan (undang-undang) bukan kesalahan menghukum tetapi lebih kepada mendidik," katanya.

Selain diteliti JPK Parlimen, katanya, beberapa sesi libat urus membabitkan pihak industri turut dilaksana bagi mendapatkan persetujuan bersama berhubung kandungan draf RUU baharu ini.

"Kita sudah ambil nasihat Kabinet untuk buat lagi sesi libat urus. Kita juga sudah ada sesi libat urus dengan Ahli Parlimen pelbagai parti dan tengahari tadi satu taklimat sudah dibuat. Ada yang setuju dan ada yang masih tak jelas mengenai peruntukan yang dipinda ini," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni yang menyertai JPK Parlimen berkata, Ahli Parlimen kedua-dua pihak beranggapan kadar RM5,000 yang diperuntukkan dalam draf RUU terdahulu terlalu tinggi.

"Kadar RM5,000 terlalu keras oleh Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang, maka kita setuju turunkan kepada RM500 dan perkenal khidmat masyarakat dalam RUU baharu ini," katanya.



Zaliha Mustafa

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LOKAL

TERTELAN CECAIR VAPE

Budak 2 tahun keracunan nikotin: KKM

Kuala Lumpur

Seorang kanak-kanak perempuan berusia dua tahun mungkin mengalami keracunan nikotin akut selepas dipercayai tertelan cecair daripada peranti rokok elektronik (vape) jenis pakai buang dalam insiden di Bera, Pahang pada 30 Mei lalu.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam satu kenyataan malam kelmarin memaklumkan mangsa dirujuk ke Hospital Sultan Ahmad Shah di Temerloh kerana memerlukan bantuan pernafasan di Unit Rawatan Rapi Kanak-Kanak.

"Kanak-kanak ini dilaporkan mengalami sawan sebanyak dua kali ketika dalam rawatan. Terkini, keadaan pesakit adalah stabil dan bernafas tanpa bantuan alat pernafasan dan dipantau oleh pihak hospital," menurut kenyataan itu.

Menurut KKM, pada hari kejadian, mangsa yang tidak mempunyai sejarah penyakit kronik ditemui datuknya dalam keadaan batuk, muntah serta sesak nafas dan terdapat peranti rokok elektronik



Kanak-kanak ini dilaporkan mengalami sawan sebanyak dua kali ketika dalam rawatan. Terkini, keadaan pesakit adalah stabil dan bernafas tanpa bantuan alat pernafasan dan dipantau oleh pihak hospital"

Kementerian Kesihatan
Malaysia (KKM)

tronik jenis pakai buang berhampiran mangsa.

"Kanak-kanak ini dipercayai tersedut atau tertelan cecair daripada peranti rokok elektronik jenis pakai buang," katanya.

Kenyataan itu menyebut pada mulanya kejadian berkenaan dilaporkan sebagai kemungkinan kes kecederaan paru-paru yang dikaitkan dengan rokok elektronik (Evali) namun hasil penemuan klinikal mendapati ia tidak memenuhi kriteria

Evali.

"Keputusan ujian air kencing menunjukkan kehadiran nikotin pada paras yang tinggi. Peranti rokok elektronik yang ditemui telah dihantar ke makmal untuk ujian lanjut," katanya.

Menurut kenyataan itu, kanak-kanak terbabit disahkan menghidapi *Acute Life Threatening Event Secondary To Possible Alleged Nicotine Ingestion Complicated With Seizure*.

Justeru, KKM menasihati orang ramai bahawa sebarang penggunaan produk merokok termasuk rokok elektronik adalah berbahaya kepada kesihatan.

"Keracunan nikotin akibat penggunaan tembakau atau cecair rokok elektronik boleh menyebabkan kesan akut seperti debaran jantung atau *palpitation*, muntah dan sawan.

"Ia boleh terjadi kepada semua pengguna termasuk kanak-kanak. Kesan nikotin yang tinggi dan pendedahan nikotin untuk jangka masa panjang terutama kepada kanak-kanak akan menyebabkan pertumbuhan otak terjejas," katanya.

KESAN nikotin yang tinggi dan pendedahan nikotin untuk jangka masa panjang terutama kepada kanak-kanak akan menyebabkan pertumbuhan otak terjejas.



AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : MAHKAMAH & JENAYAH

Kanak-kanak keracunan nikotin akut

Dipercayai tersedut atau tertelan cecair daripada peranti rokok elektronik jenis pakai buang

Oleh ROSILAWATI ROSEDI
KUANTAN

Seorang kanak-kanak perempuan berusia dua tahun di Bera berkemungkinan keracunan nikotin akut dipercayai tersedut atau tertelan cecair daripada peranti rokok elektronik (vape) jenis pakai buang pada 30 Mei lalu.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam satu kenyataan memberitahu, kanak-kanak tersebut yang tidak memiliki sejarah penyakit kronik ditemui oleh datuknya meng-

alami gejala batuk, muntah dan sesak nafas.

Menurut kenyataan itu, semasa ditemui, terdapat peranti rokok elektronik (vape) pakai buang terletak di atas lantai berhampiran mangsa.

"Kanak-kanak ini dipercayai tersedut atau tertelan cecair daripada peranti rokok elektronik jenis pakai buang.

"Dia seterusnya dirujuk ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah di Temerloh kerana memerlukan bantuan pernafasan di Unit Rawatan Rapi Kanak-Kanak," kata kenyataan itu.

Menurut KKM, kanak-kanak terbabit dilaporkan mengalami sawan sebanyak dua kali ketika dalam rawatan.

Bagaimanapun keadaan kanak-kanak tersebut adalah stabil, mampu bernafas tanpa bantuan alat pernafasan dan dipantau oleh pihak hospital.

"Kejadian ini pada mulanya dilaporkan sebagai kemungkin-



Semasa kanak-kanak itu ditemui, terdapat peranti rokok elektronik (vape) pakai buang di atas lantai berhampiran mangsa. - Gambar hiasan

an kes EVALI (Electronic Vape Associated Lung Injury), namun hasil penemuan klinikal didapati tidak memenuhi kriteria EVALI sebagaimana dalam *Clinical Practice Guidelines on Management of E-Cigarette Or*

Vaping Product Use-Associated Lung Injury (EVALI), 2021.

"Keputusan ujian air kencing menunjukkan kehadiran nikotin pada paras yang tinggi. Peranti rokok elektronik yang ditemui telah dihantar ke makmal untuk

ujian lanjut," kata kenyataan itu.

Tambahnya, kanak-kanak itu disahkan menghadapi *Acute Life Threatening Event Secondary To Possible Alleged Nicotine Ingestion Complicated With Seizure*.

Dalam pada itu, pihak KKM ingin menasihatkan orang ramai bahawa sebarang penggunaan produk merokok termasuk rokok elektronik adalah berbahaya kepada kesihatan.

"Keracunan nikotin akibat penggunaan tembakau atau cecair rokok elektronik boleh menyebabkan kesan akut seperti debaran jantung atau palpitation, muntah dan sawan.

"Ia boleh terjadi kepada semua pengguna termasuk kanak-kanak.

"Kesan nikotin yang tinggi serta pendedahan nikotin untuk jangka masa panjang terutama kepada kanak-kanak akan menyebabkan pertumbuhan otak terjejas," jelas kenyataan itu lagi.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : DALAM NEGERI

Penguatkuasaan lemah punca budak sekolah hisap rokok

SIKAP acuh tak acuh pihak yang sepatutnya mengawal selia larangan menjual dan merokok dalam kalangan remaja bawah umur antara punca ramai dalam kalangan pelajar sekolah menengah tidak takut untuk membelinya walaupun secara terbuka.

Menyedut asap tanpa sebarang kebaikan itu tanpa disedari telah memikat seramai 43,019 pelajar daripada 1.3 juta yang menjalani ujian saringan Kesihatan Oral Tanpa Asap Rokok (KOTAK). Itu jumlah yang disaring dan tidak dikira berapa ramai lagi mereka di luar sana yang menghabiskan duit belanja sekolah untuk sebatang rokok.

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) sebelum ini mendedahkan seorang pelajar hanya perlu membayar RM1 untuk sebatang rokok yang boleh dibeli di kedai runcit.

Maknanya, pelajar itu akan membelanjakan RM7 untuk tujuh batang rokok dalam tempoh seminggu jika dia mengambil sehari sebatang rokok. Dia juga akan membelanjakan RM30 untuk mendapatkan bekalan bagi 30 hari secara purata.

Jika dicongak, seorang pelajar akan membelanjakan RM360 dalam setahun. Jika 43,019 pelajar yang merokok membelanjakan RM1 sehari untuk membeli sebatang rokok, maka mereka telah membelanjakan RM15.4 juta setahun daripada duit poket.

Duit RM15.4 juta itu bukan sahaja boleh membantu pelajar miskin membeli buku rujukan tambahan, malah boleh digunakan untuk membaiki kemudahan yang rosak.

Malaysia tidak pernah sunyi dengan kemunculan akta baharu setiap kali Parlimen bersidang. Begitu juga akta melarang orang di bawah umur untuk membeli rokok terutamanya pelajar sekolah. Apa guna akta jika tidak serius menguatkuasakannya.

Yang mengaut keuntungan adalah syarikat pengeluar tembakau. Walaupun tidak dibenarkan lagi mengiklankan jenama rokok dan menaja aktiviti sukan di negara ini, syarikat tembakau sentiasa mencatat keuntungan walaupun menurun sedikit kesan daripada kemunculan rokok elektronik atau vape.

Apabila syarikat tembakau mencatat keuntungan maka, ia bermakna kempen anti rokok terutamanya melahirkan generasi bebas rokok bagi mereka yang lahir selepas 2005 sukar mencapai matlamat.

Malah, keuntungan lumayan berniaga rokok turut mendorong kegiatan penyeludup rokok dari negara luar meningkat.

Statistik 2021 menunjukkan nilai rampasan rokok dianggarkan RM25.9 juta menunjukkan perniagaan tembakau mempunyai permintaan tinggi di negara ini.

Justeru, agensi dan pihak berkuasa terutamanya yang berkaitan langsung dengan urusan perdagangan bahan seperti rokok perlu kerap turun padang untuk memantau penjualan rokok mematuhi peraturan yang telah ditetapkan undang-undang.

Jika tidak, segala usaha yang dilakukan untuk menjayakan kempen Generasi Penamat-Anti-Rokok (GEGAR-18) hanya gah disebut tetapi tidak mencapai matlamat.

Penguatkuasaan larangan merokok di tempat awam juga perlu pemantauan. Sebagai contoh di kawasan rehat dan rawat lebuhraya siapakah yang bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang larangan itu di tempat-tempat khusus.

Jawapannya tiada. Sebab itu pengguna lebuhraya di kawasan rehat dan rawat bebas merokok walaupun ada papan tanda melarangnya di satu-satu tempat.

Nak salahkan siapa dalam hal ini...

MEOR Harman Meor Shakri ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Toddler hospitalised for nicotine poisoning from vape liquid

KUALA LUMPUR: The Health Ministry said a two-year-old girl is believed to have suffered acute nicotine poisoning in Bera, Pahang on May 30.

A statement issued on Monday said the girl is suspected to have inhaled or

swallowed liquid from a disposable e-cigarette device. She was then sent to the Sultan Haji Ahmad Shah Hospital in Temerloh, Pahang as she needed respiratory assistance.

"A urine test detected high levels of

nicotine (in her system). An electronic cigarette device that was found at her home has been sent to a lab for further testing.

"Nicotine poisoning can have acute effects such as heart palpitations, vomiting and seizures," - Bernama